

Dr Sim menang kes saman fitnah terhadap Chong Chieng Jen



MENANG: Dr Sim merakam kenangan bersama (dari tiga kanan) Shankar, Sidharth, Shemira dan yang lain semalam selesai prosiding Zoom.

KUCHING: Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Dr Sim Kui Hian memperoleh RM500,000 secara keseluruhan termasuk ganti rugi dan kos, selepas memenangi kes saman fitnah difaikkannya terhadap Ahli Parlimen Stampin Chong Chieng Jen berhubung peruntukan dana bantuan makanan COVID-19 pada 2020.

Hakim Dato Dr Alwi Abdul Wahab membuat keputusan itu selepas membenarkan saman oleh Dr Sim sebagai plaintif terhadap Chong, sebagai defendan.

Alwi yang menyampaikan keputusan terbabit dalam prosiding menerusi aplikasi Zoom semalam mengarahkan defendan membayar RM350,000 bagi libel, RM50,000 untuk kepalsuan berniat jahat serta RM100,000 sebagai

kos.

Dalam penghakiman ringkasnya, beliau memutuskan bahawa plaintif berjaya membuktikan tuntutan manakala defendan gagal mempertahankan pembelaannya.

Selain itu, Alwi turut memutuskan bahawa tuntutan balas defendan gagal kerana kenyataan yang dibuat oleh plaintif tidak bersifat memfitnah.

Terdahulu, Chong dikatakan telah memfailkan tuntutan balas terhadap Dr Sim berhubung beberapa artikel yang mendakwa Dr Sim menyatakan bahawa Chong hanya memikul beg beras sebagai gimik atau sekadar untuk menunjukkan diri ketika memberikan bantuan semasa pandemik.

Mahkamah bagaimanapun mendapati bahawa artikel-artikel

tersebut tidak mengandungi sebarang perkataan yang boleh membawa maksud memfitnah.

Pada tahun 2020, Dr Sim menerusi peguamnya memfailkan saman fitnah terhadap Chong kerana mendakwa gagal mengurus bantuan makanan dikhususkan untuk empat kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Beberapa pemimpin Parti Tindakan Demokratik (DAP) Sarawak termasuk Pengerusinya Chong Chieng Jen dikatakan memfitnah Dr Sim menerusi surat khabar kerana gagal menguruskan bantuan membabitkan peruntukan bernilai RM800,000 bagi kawasan DUN Padungan, Batu Lintang, Pending dan Kota Sentosa.

Dr Sim menang kes saman fitnah terhadap Chong Chieng Jen

► Dari Muka 1

Menurut laporan terdahulu, Dr Sim yang juga Presiden Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) berkata, semua dana bantuan makanan daripada kerajaan negeri disalurkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian, bukan kepada Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

Beliau menegaskan pemimpin-pemimpin DAP

Sarawak berulang kali mengutarakan perkara yang tidak benar menerusi media sosial dan akhbar dengan niat memburukkan imejnya serta menuduhnya menyalahgunakan kedudukannya.

Plaintif diwakili Dato Shankar Ram Asnani, Sidharth Shankar Asnani dan Shemira Adzhar.

Selain Michael Kong, defendan turut diwakili Chong Siew Chiang, Brenda Chong dan Sharon Lo.